

**Anwar: GST hasil kegagalan Menteri Kewangan
Malaysian Insider
Aug 12 , 2013
OLEH DIYANA IBRAHIM**

Datuk Seri Anwar Ibrahim (pic) mendakwa rancangan kerajaan untuk melaksanakan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) ke atas rakyat adalah hasil dari kegagalan Menteri Kewangan dan kerajaan dalam menguruskan ekonomi negara.

Kata Ketua Pembangkang itu, isu defisit yang dihadapi negara dilaporkan semakin kritikal menyebabkan kerajaan terpaksa mengambil langkah untuk mengimbang kembali ekonomi iaitu dengan mewujudkan GST.

"Setiap tahun apabila bajet dibentangkan kerajaan berjanji akan menangani isu defisit ini, sekiranya defisit berlaku kerana memberi tumpuan memperbaiki isu kemiskinan, pertanian itu tidak mengapa.

"Tetapi sekarang defisit berlaku akibat dari salah pengurusan kerajaan sendiri, rasuah yang berleluasa, pembaziran maka ia mendatangkan impak yang serius pada ekonomi negara,"kata Anwar kepada media.

Menurut Anwar, bekas Menteri Kewangan ketika dalam kerajaan dahulu, apa yang jelas kegagalan kerajaan menangani isu defisit akibat dari perbelanjaan tidak bertanggungjawab kerajaan ini akan memberi kesan negatif kepada rakyat iaitu kenaikan harga barang mendadak.

"Apabila barang dinaikkan maka cukai juga turut dinaikkan dan kerajaan akan membangkitkan kembali pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) kononnya bagi mengawal defisit bajet negara," kata Anwar lagi.

Malah katanya dalam isu pelaksanaan GST ini kerajaan biasanya akan bertindak mencanangkan bahawa pelaksanaan GST ini bagus untuk ekonomi negara dan juga kepada rakyat.

"Apa yang disebutkan menteri ia tidak akan membebankan rakyat. Kamu kutip 27 bilion dari rakyat dan kamu boleh sebut tidak membebankan rakyat, kutip dari mana? Dari angin, dari pokok?.

"Ini sebab mengapa kita harus sedarkan rakyat pengurusan ekonomi yang bertanggungjawab dan pengurangan defisit secara bertahap itu sangat kritikal terhadap negara , "kata Anwar lagi.

Sebelum ini pelaksanaan GST yang ingin dikenakan kerajaan ke atas rakyat menerima kritikan hebat dari pelbagai pihak terutama pembangkang.

Ia menyebabkan Menteri Kewangan Kedua Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah mengumumkan akan menangguhkan pelaksanaannya sehingga proses "engagement" yang dilakukan dengan pelbagai pihak menerima maklum balas positif,

"Kita mahu perbincangan dan maklumat disebarkan kepada rakyat supaya mereka tahu dan faham, barulah kita laksanakan," kata menteri itu.

Rang Undang-Undang GST dibentangkan di Parlimen untuk bacaan pertama pada Disember 2009, namun bacaan kedua yang dijadualkan pada Mac 2010, ditangguhkan.

Ia pada mulanya dijangka dilaksanakan pada pertengahan 2011 bagi menggantikan cukai jualan yang ada.- 12 Ogos 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/anwar-gst-hasil-kegagalan-menteri-ke-wangan>